

ANALISIS KESEDIAAN INDUSTRI MAKANAN UNTUK MELAKSANAKAN SISTEM PENSIJILAN HALAL MALAYSIA (SPHM) SECARA WAJIB DAN MENYELURUH

Ibrahim bin Abu Bakar,^{1,2,3*} & Sa'adan bin Man¹

¹ Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

² International Institute for Halal Research and Training (INHART), International Islamic University Malaysia, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia

³ Department of Nutrition Science, Kulliyah of Allied Health Science, International Islamic University Malaysia, 25200 Kuantan, Malaysia

iab@iium.edu.my

ABSTRAK

Malaysia telah melaksanakan Skim Pensijilan Halal Malaysia (SPHM) secara sukarela sejak 46 tahun lalu. Pengalaman melaksanakan SPHM yang panjang ini seharusnya dieksploitasi untuk melonjakkan perlaksanaannya secara wajib dan menyeluruh. Kajian yang dijalankan ini cuba menganalisa tahap kesediaan industri makanan di Malaysia untuk melaksanakan SPHM secara wajib dan menyeluruh. Ia melibatkan kajian ke atas hampir keseluruhan jenis premis pengeluaran dan perkhidmatan makanan di Malaysia di mana seramai 514 orang responden yang merupakan pemilik syarikat atau pekerja di premis makanan dipilih secara rawak berstruktur. Data-data kajian dikumpul menggunakan borang soalselidik yang direka khusus dan dianalisa secara statistik menggunakan program komputer SPSS 25.0 Windows. Kajian menunjukkan tahap kesediaan pemilik syarikat dan pekerja di premis makanan untuk melaksanakan SPHM secara wajib dan menyeluruh adalah sederhana tinggi (64.0%) di mana tahap kesediaan tersebut tidak dipengaruhi oleh faktor negeri dan kedudukan premis makanan. Pengaruh jenis premis makanan, jantina, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, bangsa dan agama ke atas tahap kesediaan adalah kecil atau sangat kecil. Hanya faktor tahap pendidikan, bangsa dan agama sahaja yang memberikan kesan melebihi sepuluh peratus. Pemilik syarikat dan pekerja di premis makanan yang mendapat pendidikan peringkat sekolah menengah memberikan persetujuan yang paling tinggi. Begitu juga dengan mereka yang berbangsa Melayu dan mereka yang beragama Islam. Sebaliknya pemilik syarikat dan pekerja di premis makanan yang hanya mendapat pendidikan di peringkat sekolah rendah memberikan persetujuan yang paling rendah, begitu juga dengan mereka yang berbangsa India dan mereka yang beragama Kristian dan Hindu.

Kata Kunci: *Pensijilan Halal, Industri Makanan dan Amalan Wajib.*

1.0 PENGENALAN

Pensyariatian hukum Islam adalah bersifat menyeluruh untuk semua umat manusia. Ia melambangkan keluasan agama Islam yang sesuai untuk diamalkan oleh semua manusia dalam kehidupan mereka merentasi zaman dan sempadan penempatan. Dalam soal makanan, pensyariatian makanan halal bukan sahaja khusus untuk pengguna Islam tetapi juga sesuai untuk diadaptasi oleh pengguna bukan Islam.

Perlaksanaan SPHM sehingga kini masih belum mampu melindungi pengguna sepenuhnya terutamanya pengguna Islam dalam mendapatkan makanan halal. Tidak semua makanan yang dijual di Malaysia disahkan status halalnya. Ini disebabkan perlaksanaan SPHM bersifat sukarela dan masih terlalu banyak pengeluaran dan perkhidmatan makanan di Malaysia yang tidak memohon sijil halal. Bahagian Pengurusan Halal JAIP (2019) contohnya telah mengeluarkan senarai hotel di negeri Pahang yang telah mendapat pengiktirafan makanan halal iaitu sebanyak 59 buah pada tahun 2020. Sebenarnya terdapat lebih kurang 430 buah hotel di negeri Pahang yang sebahagian besarnya mempunyai perkhidmatan penyediaan makanan (Hirschmann, R., 2019). Keadaan ini

menunjukkan hanya 3.0% sahaja hotel di negeri Pahang yang memiliki sijil halal. JAKIM (2020) melalui laman website rasminya juga memaparkan hanya 430 buah hotel sahaja di seluruh Malaysia yang memiliki sijil halal. Keseluruhan bilangan hotel yang mempunyai perkhidmatan makanan di Malaysia adalah melebihi 4800 buah (Hirschmann, R., 2019). Ini bermakna hanya lebih kurang 8.9% sahaja hotel di Malaysia yang mempunyai sijil halal. Selebihnya (91.1%) tidak mempunyai sijil halal. Keadaan ini menggambarkan SPHM masih belum mampu melindungi pengguna sepenuhnya khususnya pengguna Islam dalam mendapatkan bekalan makanan atau perkhidmatan makanan yang halal.

Penglibatan usahawan makanan bumiputera Islam dalam SPHM sehingga kini masih rendah. JAKIM (2019) melaporkan sebanyak 8,805 sijil halal dikeluarkan pada tahun 2019 di mana sebanyak 71% adalah permohonan daripada kalangan usahawan bukan bumiputera dan hanya 29% daripada kalangan usahawan bumiputera. Kategori bukan bumiputera yang dimaksudkan oleh JAKIM dalam laporannya meliputi sebahagian besarnya adalah warganegara yang bukan beragama Islam. The Malaysian Insight (2019) melaporkan data yang diterima daripada pihak JAKIM menunjukkan lebih 60% pemilik sijil halal di Malaysia adalah daripada kalangan usahawan bukan beragama Islam. Keadaan ini mengesahkan penglibatan usahawan makanan bumiputera yang beragama Islam dalam SPHM masih rendah dan tidak seimbangan berbanding dengan usahawan yang bukan beragama Islam.

Masih terlalu ramai usahawan makanan bumiputera yang beragama Islam yang kurang berminat atau tidak merasa perlu untuk memohon sijil halal. Kajian yang dilakukan oleh Noor Fiteri dan Masnisah (2015) terhadap usahawan makanan di negeri Perlis mendapati ramai pengusaha makanan yang beragama Islam tidak merasa perlu untuk memohon sijil halal kerana tanpa sijil halalpun mereka masih boleh berniaga dengan baik dan mempunyai pengguna tetap yang tersendiri. Jamal Abdul Nassir Shaari (2019) juga melaporkan bahawa sesetengah usahawan beragama Islam tidak mengendahkan serta mempunyai sikap tidak mengambil kisah tentang kepentingan sijil halal. Ini kerana tanpa sijil halalpun kelangsungan dan prestasi syarikat mereka memberangsangkan. Para pelanggan telah menaruh harapan dan percaya kepada syarikat mereka yang diasaskan oleh usahawan Muslim. Usahawan makanan yang beragama Islam sering beranggapan bahawa makanan yang mereka hasilkan sudah pastinya halal kerana ianya disediakan oleh mereka yang beragama Islam. Namun hakikatnya ramai usahawan makanan yang beragama Islam kurang arif tentang status kehalalan bahan mentah yang mereka gunakan menyebabkan status makanan yang mereka hasilkan masih mempunyai unsur keraguan.

Walaupun sokongan golongan usahawan makanan yang bukan beragama Islam terhadap SPHM kelihatan lebih tinggi berbanding dengan usahawan makanan yang beragama Islam, namun penglibatan usahawan bukan beragama Islam lebih kepada untuk meraih peluang perniagaan. Marliana binti Abdullah, *et al.* (2015) melaporkan usahawan makanan dari kalangan yang bukan beragama Islam masih kurang faham tentang matlamat utama SPHM di mana ramai di kalangan mereka meletakkan matlamat utama mendapatkan sijil halal lebih kepada untuk dijadikan alat pemasaran (*marketing tool*). Sebab itu wujud berbagai masalah integriti dalam SPHM seperti kewujudan sijil halal palsu, keadaan kebersihan dan keselamatan makanan yang tidak konsisten selepas memperolehi sijil halal, sijil halal tidak diperbaharui selepas tamat tempoh, sijil halal digantung atau ditarik semula dan sebagainya. Menurut Mohd Al'Ikhsan & Siti Salwa (2015) ramai pengusaha makanan tidak lagi mengamalkan piawaian kualiti makanan yang sepatutnya menurut standard MS1500:2009 setelah produk makanan mereka mendapat pengiktirafan sijil halal daripada JAKIM.

Perlaksanaan SPHM secara wajib dan menyeluruh mungkin boleh mengatasi masalah pengelibatan usahawan makanan yang rendah, menghapuskan banyak keraguan yang timbul dalam penentuan status kehalalan makanan di Malaysia dan menjadikan Malaysia satu-satunya negara di dunia yang makanannya halal sepenuhnya. Namun begitu skim tersebut mungkin membebaskan industri makanan terutamanya usahawan daripada golongan B40, usahawan yang baru hendak memulakan perniagaan atau usahawan yang mengusahakan perniagaan yang bersaiz mikro dan kecil. Skim tersebut juga mungkin menghadkan aktiviti perniagaan mereka. Perlaksanaan SPMH yang bersifat wajib juga mungkin ditentang oleh usahawan makanan yang bukan beragama Islam.

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meneliti tahap kesediaan industri makanan di Malaysia meliputi semua jenis industri pengeluaran dan perkhidmatan makanan terhadap cadangan perlaksanaan SPHM secara wajib dan menyeluruh.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Konsep makanan halal lagi baik telah dirumuskan oleh kerajaan Malaysia secara rasmi dalam Warta Kerajaan Persekutuan (2011) iaitu dalam Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal). Antara ciri-ciri makanan halal yang disebutkan ialah makanan tersebut tidak mengandungi apa-apa benda yang dikatakan najis mengikut hukum Syarak dan tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis mengikut hukum Syarak. Konsep makanan halal lagi baik inilah yang menjadi asas kepada perlaksanaan Skim Pensijilan Halal Malaysia (SPHM).

Tuan Nurhafiza Raja Abdul Aziz dan Taufiq A. Rashid (2019) menyatakan pengambilan makanan halal lagi baik serta pengurusan makanan halal sangat menepati konsep *Maqasid As Syariah* kerana ia dapat memelihara segala nilai-nilai yang diperlukan oleh manusia dalam kehidupan demi mencapai kesejahteraan hidup di samping dapat menghindarkan kemudharatan yang boleh berlaku. *Maqasid As Syariah* merujuk kepada objektif atau matlamat setiap hukum dalam Islam iaitu untuk mencapai kebahagiaan individu dan masyarakat, memelihara undang-undang dan seterusnya untuk memakmurkan dunia sehingga mencapai tahap kesempurnaan, kebaikan, kemajuan dan ketamadunan yang tinggi (Mohd Amzari Tumiran *et al.*, 2020). Pengambilan makanan halal lagi baik juga memenuhi keperluan asas (*dharuriyyat*) yang menjadi sebahagian konsep *Maqasid As Syariah* iaitu yang melibatkan penjagaan dan pemeliharaan jiwa (nyawa serta kesihatan tubuh badan), akal (psikologi), keturunan (kehormatan) dan harta (hak milik).

Dalam Islam, pengambilan makanan adalah sebahagian daripada ibadah umum kerana makanan adalah keperluan asas manusia untuk hidup dan beribadah kepada Allah SWT di atas muka bumi ini. Pengambilan makanan halal lagi baik mempunyai hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan ketaqwaan, keimanan dan pengibadahan kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Maidah, ayat 88 yang bermaksud; dan makanlah daripada apa yang telah diberikan oleh Allah kepadamu sebagai rezeki yang halal lagi baik dan bertaqwalah kepada Allah yang kepadanya sahaja kamu beriman. Allah SWT juga berfirman dalam surah An Nahl, ayat 114 yang bermaksud; oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembahNya semata-mata.

Program pensijilan makanan halal secara rasminya telah dimulakan di Malaysia pada tahun 1974 di mana Pusat Penyelidikan, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri telah mula mengeluarkan surat pengesahan halal kepada produk-produk (khususnya makanan)

yang memenuhi kehendak syarak (Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 2012). Menurut Lokman Ab Rahman (2020) perkara berkaitan pengurusan halal di Malaysia sebenarnya telah bermula lebih awal iaitu sekitar tahun 1971 melalui perbincangan-perbincangan dalam Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) serta penggubalan Akta Perihal Dagangan 1972. Sijil halal beserta dengan logo halal hanya dikeluarkan secara rasmi pada tahun 1994. Pada tahun 1998, Kerajaan Malaysia telah melantik sebuah syarikat swasta (Syarikat Ilham Daya) untuk menjalankan pemeriksaan premis yang memohon pengesahan produk halal sebelum Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengeluarkan sijil pengesahan halal tersebut. Mulai tahun 2008 pula, pengurusan pensijilan halal Malaysia dikendalikan oleh Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. (HDC) iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, sebelum dikembalikan semula kepada JAKIM pada 1 Ogos 2009 sehingga sekarang. Hari ini pengurusan pensijilan makanan halal di Malaysia bukan sahaja melibatkan JAKIM tetapi juga melibatkan majlis/jabatan agama Islam negeri-negeri (MAIN/JAIN), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) khususnya HDC, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) khususnya Jabatan Standard Malaysia (SIRIM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khususnya Bahagian Kawalan Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) khususnya Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (KDRM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Menurut Nur Zulfah Md Abdul Salam (2019), penglibatan berbagai agensi yang berbeza dalam menjayakan program pensijilan halal Malaysia adalah disebabkan skop industri halal yang sangat luas di mana pertindanan bidang kuasa tidak dapat dielakkan.

Perlaksanaan SPHM adalah bersifat sukarela sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) dan (Takrif Halal) 2011. Ia bermaksud semua pengeluar atau penyedia makanan secara komersil tidak diwajibkan atau tidak dipaksa untuk mendapatkan pengesahan halal terhadap produk-produk makanan mereka atau perkhidmatan makanan mereka daripada pihak JAKIM atau MAIN/JAIN. Namun begitu mereka sangat digalakkan untuk memohon dan mendapatkan pensijilan tersebut.

Pengalaman Malaysia dalam menguruskan program pensijilan halal selama hampir 46 tahun yang melibatkan berbagai kementerian dan jabatan kerajaan serta telah melalui berbagai pengalaman jatuh dan bangun harus dilihat sebagai satu kekuatan yang mampu melonjakkan program SPHM ke satu tahap yang lebih tinggi. Perlaksanaan program SPHM yang bersifat sukarela (*voluntary*) perlu diusulkan menjadi wajib atau 'mandatory' dan dilaksanakan dengan lebih menyeluruh melibatkan semua aspek pengeluaran/pengilangan makanan (*food industry*), penyediaan makanan (*food services*), pengimportan makanan dan apa sahaja peringkat penghasilan makanan daripada 'peringkat ladang sehingga ke meja makan' (*'from farm to table'* atau *'from breeding to retailing'*) iaitu daripada peringkat sumber bahan mentah sehinggalah ke peringkat produk akhir yang sedia untuk dimakan sama ada yang diusahakan oleh orang Islam atau bukan Islam atau sekurang-kurangnya skop/sector tertentu dalam industri makanan mula diwajibkan untuk memohon sijil halal sebelum ia dibenarkan untuk beroperasi atau produk makanan tersebut dipasarkan.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif melibatkan pemilik syarikat dan pekerja di premis makanan di seluruh Malaysia yang dipilih secara rawak berstruktur. Data-data kajian dikumpul menggunakan borang soalselidik khusus dan dianalisa menggunakan perisian statistik SPSS 25.0 (Windows). Analisis diskriptif dan inferensi dilakukan terhadap semua data yang diperolehi mengikut parameter yang telah ditetapkan dan dipersembahkan dalam bentuk frekuensi, nilai purata dan kecenderungan memusat (min, sisihan piawai, median dan mod). Perbandingan terhadap dua parameter dilakukan menggunakan ujian khi kuasa dua manakala perbandingan antara tiga atau lebih parameter dilakukan menggunakan ujian ANOVA. Perbezaan data dikira bererti pada tahap keyakinan sebanyak 95% iaitu pada nilai kebarangkalian $p < 0.05$. Dapatan kajian seterusnya dibincangkan bagi melihat hasil kajian secara objektif.

4.0 PERBINCANGAN DAN HASI KAJIAN

4.1 Responden dan Faktor Demografi

Dalam kajian ini seramai 514 orang responden telah melibatkan diri di mana mereka merupakan pemilik syarikat makanan atau pekerja di premis makanan yang dipilih secara rawak berstruktur mengikut negeri, kedudukan premis makanan mereka beroperasi dan jenis premis makanan. Jadual 4.1 hingga Jadual 4.3 di bawah menunjukkan bilangan dan peratusan responden masing-masing mengikut negeri, kedudukan premis makanan beroperasi dan jenis premis makanan.

Jadual 4.1: Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Negeri

<u>Negeri</u>	<u>Bilangan Responden</u>	<u>%</u>
Perlis	34	6.6
Kedah	37	7.2
Pulau Pinang	39	7.6
Perak	41	8.0
Selangor	48	9.3
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	33	6.4
Melaka	36	7.0
Negeri Sembilan	33	6.4
Johor	33	6.4
Pahang	47	9.1
Terengganu	36	7.0
Kelantan	32	6.2
Sabah	33	6.4
Sarawak	32	6.2
Jumlah	514	100.0

Jadual 4.2: Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Kedudukan Premis Makanan Beroperasi

Negeri	Bilangan Responden	%
Kawasan Majlis Bandaraya/Perbandaran/Bandar/Pe kan	257	50.0
Pinggir Bandar	111	21.6
Kawasan Kampung	115	22.4
Tanah Perancangan	31	6.0
Jumlah	514	100.0

Jadual 4.3: Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jenis Premis Makanan

<u>Negeri</u>	<u>Bilangan Responden</u>	<u>%</u>
Hotel	56	10.9
Restoran	102	19.8
Gerai Makanan	109	21.2
Penjaja Makanan	71	13.8
Kilang Makanan	106	20.6
Kantin Sekolah/Dapor Asrama/Kantin Kilang	34	6.6
Katering	36	7.0
Jumlah	514	100.0

Daripada Jadual 4.1 hingga Jadual 4.3, didapati bilangan responden adalah mencukupi bagi mewakili populasi pengusaha dan pekerja premis makanan di Malaysia serta mewakili jenis premis makanan serta kedudukannya beroperasi bagi kajian ini. Taburan responden mengikut negeri, kedudukan premis makanan beroperasi dan jenis premis makanan adalah normal atau bertabur secara seimbang.

Seramai 290 (56.4%) orang responden adalah lelaki dan seramai 234 (45.5%) orang lagi adalah perempuan. Jadual 4.4 seterusnya menunjukkan maklumat berkaitan umur responden bagi kajian ini.

Jadual 4.4: Maklumat Berkaitan Umur Responden

	Umur Responden (Tahun)
Minimum	18
Maksimum	66
Julat	48
Mean±SD	32.1±11.4
Median	28
Mod	23

Berdasarkan Jadual 4.4, didapati julat umur responden dalam kajian ini adalah sangat luas iaitu antara 18-66 tahun yang menggambarkan liputan peringkat umur responden yang sangat besar. Purata (mean) umur responden iaitu 32.1 tahun beserta median dan mod umur responden yang masing-masing 28 dan 23 tahun juga menunjukkan tahap umur responden yang cukup matang untuk memberikan maklum balas atau menjawab soalan-soalan dalam kajiselidik ini.

Jadual 4.5 pula menunjukkan agihan responden mengikut bangsa, agama dan kategori muslim dan non-muslim bagi kajian ini.

Jadual 4.5: Agihan Responden Mengikut Bangsa dan Agama

		Bilangan Responden	%
Bangsa	Melayu	338	65.8
	Cina	118	23.0
	India	58	11.3
Agama	Islam	338	65.8
	Budha	46	8.9
	Kristian	70	13.6
	Hindu	60	11.7
Kategori Muslim/Non-Muslim	Muslim	529	60.5
	Non-Muslim	346	39.5

Daripada Jadual 4.5 didapati bilangan responden berbangsa Melayu adalah seramai 338 (65.8%) orang berbanding bangsa Cina (118 orang atau 23%) dan India (58 orang atau 11.3%). Mengikut agama pula, bilangan responden beragama Islam adalah seramai 338 (65.8%) orang berbanding responden beragama Budha (46 orang atau 8.9%), Kristian (70 orang atau 13.6%) dan Hindu (60 orang atau 11.7%). Pecahan responden mengikut kategori muslim dan non-muslim pula adalah masing-masing sebanyak 60.5% dan 39.5%. Jadual 4.6 pula menunjukkan taburan responden mengikut status perkahwinan dan tahap pendidikan bagi kajian ini.

Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan dan Tahap Pendidikan

		Bilangan Responden	%
Status Perkahwinan	Bujang	170	33.1
	Berkahwin	312	60.7
	Janda / Duda	32	6.2
Tahap pendidikan	Sekolah Rendah	65	12.6
	Sekolah Menengah	102	19.8
	Diploma	204	39.7
	Ijazah Pertama	143	27.8

Taburan responden mengikut semua parameter yang diukur dalam kajian ini bertabur secara normal sebagaimana yang diuji menggunakan ujian Kolmogorov-Smirnova dan ujian Shapiro-Wilk dan ditunjukkan dalam Jadual 4.7.

Jadual 4.7: Ujian Taburan Normal Terhadap Responden Mengikut Parameter yang Diuji Bagi Kajian Kedua

Ujian Taburan Normal	Ujian Kolmogorov-Smirnova			Ujian Shapiro-Wilk		
	Statistik	df	Sig.	Statistik	df	Sig.
Negeri	0.11	514	0.00	0.95	514	.00
Kedudukan Premis Beroperasi	0.31	514	0.00	0.78	514	.00
Jantina	0.37	514	0.00	0.63	514	.00
Bangsa	0.40	514	0.00	0.66	514	.00
Agama	0.40	514	0.00	0.66	514	.00
Umur	0.15	514	0.00	0.87	514	.00
Status Perkahwinan	0.35	514	0.00	0.73	514	.00
Tahap Pendidikan	0.25	514	0.00	0.86	514	.00
Jenis Premis Makanan	0.16	514	0.00	0.93	514	.00

Nota: Sig. <0.05 menunjukkan taburan responden secara normal.

4.2 Persetujuan Industri Makanan Melaksanakan SPHM Secara Wajib dan Menyeluruh

Jadual 4.8 menunjukkan bilangan (%) responden yang memberi maklumbalas tentang persetujuan untuk melaksanakan SPHM secara wajib dan menyeluruh selepas lebih daripada 45 tahun Malaysia melaksanakan SPHM secara sukarela.

Jadual 4.8: Bilangan (%) Responden yang Memberi Maklumbalas Tentang Persetujuan Untuk Melaksanakan SPHM Secara Wajib dan Menyeluruh

	Bilangan Responden	Peratus (%) Responden
Sangat Tidak Bersetuju	9	1.8
Tidak Bersetuju	132	25.7
Tidak Pasti	44	8.6
Bersetuju	221	43.0
Sangat Bersetuju	108	21.0
Jumlah	514	100.0

Daripada Jadual 4.8 didapati seramai 221 (43.0%) orang responden bersetuju tentang cadangan untuk melaksanakan SPHM secara wajib dan menyeluruh selepas lebih daripada 45 tahun Malaysia melaksanakan SPHM secara sukarela. Seramai 108 (21.0%) orang responden pula didapati sangat bersetuju tentang cadangan tersebut. Secara kumulatifnya seramai 329 (64.0%) orang responden memberikan maklum balas positif tentang cadangan tersebut. Sebaliknya hanya 132 (25.7%) orang responden tidak bersetuju tentang cadangan tersebut. Seramai 9 (1.8%) dan 44 (8.6%) orang responden masing-masing sangat tidak bersetuju dan tidak pasti tentang cadangan tersebut. Secara kumulatifnya seramai 185 (36.0%) orang responden memberikan maklum balas negatif tentang cadangan tersebut. Daripada dapatan di atas, dapat dikatakan bahawa tahap

kesediaan pengendali makanan di Malaysia terhadap cadangan untuk melaksanakan SPHM secara wajib dan menyeluruh selepas lebih daripada 45 tahun Malaysia melaksanakan SPHM secara sukarela adalah sederhana tinggi (64.0%).

Jadual 4.9 di bawah menunjukkan hasil analisis statistik terhadap data-data kajian berkaitan tahap persetujuan responden untuk melaksanakan SPHM secara wajib dan menyeluruh selepas lebih daripada 45 tahun Malaysia melaksanakan SPHM secara sukarela mengikut faktor-faktor pembolehubah yang diukur iaitu negeri, jenis premis makanan, kedudukan premis makanan beroperasi, jantina, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, bangsa dan agama.

Jadual 4.9: Hasil Analisis Statistik Terhadap Data-Data Kajian Berkaitan Tahap Persetujuan Responden Untuk Melaksanakan SPHM Secara Wajib dan Menyeluruh Mengikut Faktor-Faktor Pembolehubah Yang Diukur

Faktor Pembolehubah	Nilai P	Nilai Eta Kuasa Dua
Negeri	0.17 ^b	0.04*
Jenis Premis Makanan	0.00 ^a	0.08*
Kedudukan Premis Makanan Beroperasi	0.70 ^b	0.00*
Jantina	0.00 ^a	0.02*
Umur	0.00 ^a	0.18*
Status Perkahwinan	0.00 ^a	0.04*
Tahap Pendidikan	0.00 ^a	0.30*
Bangsa	0.00 ^a	0.46*
Agama	0.00 ^a	0.48**

Nota: ^a bermaksud terdapat perbezaan yang bererti pada $P < 0.05$, ^b bermaksud tidak terdapat perbezaan yang bererti pada $P \geq 0.05$, *bermaksud kesan pembolehubah adalah sangat kecil, **bermaksud kesan pembolehubah adalah kecil.

Daripada Jadual 4.9 didapati faktor negeri dan kedudukan premis makanan di mana ianya beroperasi tidak memberikan nilai perbezaan yang bererti terhadap persetujuan responden untuk melaksanakan SPHM secara wajib dan menyeluruh selepas lebih daripada 45 tahun Malaysia melaksanakan SPHM secara sukarela. Ini ditunjukkan oleh nilai P yang besar daripada 0.05. Sebaliknya faktor jenis premis makanan, jantina, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, bangsa dan agama memberikan nilai perbezaan yang bererti ($P < 0.05$) berkaitan tahap persetujuan responden terhadap cadangan tersebut. Walau bagaimanapun kebanyakan faktor sama ada tidak memberikan kesan atau hanya memberikan kesan yang sangat kecil atau kecil ke atas tahap sokongan responden berkaitan cadangan tersebut. Ini ditunjukkan oleh nilai eta kuasa dua pada Jadual 4.37 di atas. Hanya faktor umur, tahap pendidikan, bangsa dan agama sahaja yang memberikan kesan melebihi sepuluh peratus.

Jadual 4.10 di bawah menunjukkan hubungan antara umur dengan tahap persetujuan responden untuk melaksanakan SPHM secara wajib dan menyeluruh selepas lebih daripada 45 tahun Malaysia melaksanakan SPHM secara sukarela.


Jadual 4.10: Hubungan Antara Umur dengan Tahap Persetujuan Responden Untuk Melaksanakan SPHM Secara Wajib dan Menyeluruh

Hubungan	Sig.	Correlation Coefficient
Umur dan Tahap Kefahaman	0.78	0.01

Nota: Nilai sig. >0.05 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang bererti.

Daripada Jadual 4.10, didapati tidak terdapat hubungan yang bererti ($P > 0.05$) di antara faktor umur dengan tahap persetujuan responden untuk melaksanakan SPHM secara wajib dan menyeluruh selepas lebih daripada 45 tahun Malaysia melaksanakan SPHM secara sukarela walaupun nilai P dalam Jadual 4.9 menunjukkan nilai < 0.05 (terdapat nilai perbezaan yang bererti).

Rajah 4.1 menunjukkan taburan nilai mean tahap persetujuan responden untuk melaksanakan SPHM secara wajib dan menyeluruh selepas lebih daripada 45 tahun Malaysia melaksanakan SPHM secara sukarela mengikut faktor tahap pendidikan.




Nota: Huruf yang sama menunjukkan tidak terdapat nilai perbezaan yang bererti (< 0.05) manakala huruf yang berlainan menunjukkan terdapat nilai perbezaan yang bererti ($P > 0.05$)

Rajah: 4.1: Taburan Nilai Mean Tahap Sokongan Responden Terhadap Kesan Positif Pelaksanaan SPPM Ke Atas Industri Makanan Mengikut Faktor Tahap Pendidikan.

Daripada Rajah 4.1 didapati responden yang hanya mencapai tahap pendidikan peringkat sekolah rendah menunjukkan tahap persetujuan paling rendah dengan nilai mean sebanyak 2.32 dan nilai meannya berbeza secara bererti dengan semua responden yang lain. Responden yang

mencapai tahap pendidikan peringkat sekolah menengah pula menunjukkan tahap persetujuan yang paling tinggi (nilai mean sebanyak 3.98) dan berbeza secara bererti dengan semua responden yang lain. Responden yang mencapai tahap pendidikan peringkat diploma dan ijazah pertama pula menunjukkan tahap sokongan yang lebih rendah dan tidak berbeza secara bererti di antara satu sama lain di mana nilai mean masing-masing adalah sebanyak 3.68 dan 3.70.

Rajah 4.2 pula menunjukkan taburan nilai mean tahap persetujuan responden untuk melaksanakan SPHM secara wajib dan menyeluruh selepas lebih daripada 45 tahun Malaysia melaksanakan SPHM secara sukarela mengikut faktor bangsa.




Nota: Huruf yang sama menunjukkan tidak terdapat nilai perbezaan yang bererti (<0.05) manakala huruf yang berlainan menunjukkan terdapat nilai perbezaan yang bererti ($P>0.05$)

Rajah: 4.2: Taburan Nilai Mean Tahap Persetujuan Responden Untuk Melaksanakan SPHM Secara Wajib dan Menyeluruh Mengikut Faktor Bangsa.

Daripada Rajah 4.2 didapati responden berbangsa Melayu menunjukkan tahap persetujuan yang paling tinggi dengan nilai mean sebanyak 4.11 dan berbeza secara bererti dengan responden berbangsa Cina dan India. Responden berbangsa Cina pula menunjukkan tahap persetujuan yang kedua tinggi (nilai mean sebanyak 2.59) dan responden India menunjukkan tahap persetujuan yang paling rendah dengan nilai mean sebanyak 2.31.

Rajah 4.3 pula menunjukkan taburan nilai mean tahap persetujuan responden untuk melaksanakan SPHM secara wajib dan menyeluruh selepas lebih daripada 45 tahun Malaysia melaksanakan SPHM secara sukarela mengikut faktor agama.



Nota: Huruf yang sama menunjukkan tidak terdapat nilai perbezaan yang bererti (<0.05) manakala huruf yang berlainan menunjukkan terdapat nilai perbezaan yang bererti ($P>0.05$)

Rajah: 4.3: Taburan Nilai Mean Tahap Persetujuan Responden Untuk Melaksanakan SPHM Secara Wajib dan Menyeluruh Mengikut Faktor Agama

Daripada Rajah 4.3 didapati responden beragama Islam menunjukkan tahap sokongan yang paling tinggi dengan nilai mean sebanyak 4.11 dan nilai mean tersebut berbeza secara bererti dengan mean responden-responden agama lain. Responden beragama Budha pula menunjukkan tahap sokongan yang lebih rendah berbanding dengan responden beragama Islam dan juga berbeza secara bererti dengan responden-responden agama lain (nilai mean sebanyak 3.04). Responden beragama Hindu dan Kristian menunjukkan tahap sokongan yang sama (nilai mean sebanyak 2.31) di mana kedua-dua nilai mean tersebut tidak berbeza secara bererti.

5.0 KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa tahap persetujuan pemilik syarikat dan pekerja di premis makanan untuk melaksanakan SPHM secara wajib dan menyeluruh selepas lebih daripada 45 tahun Malaysia melaksanakan SPHM secara sukarela adalah sederhana tinggi (64.0%) di mana tahap persetujuan tersebut tidak dipengaruhi oleh faktor negeri dan kedudukan premis makanan. Malah pengaruh jenis premis makanan, jantina, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, bangsa dan agama adalah kecil atau sangat kecil. Hanya faktor tahap pendidikan, bangsa dan agama sahaja yang memberikan kesan melebihi sepuluh peratus. Pemilik syarikat dan pekerja di premis makanan yang mendapat pendidikan peringkat sekolah menengah memberikan persetujuan yang paling tinggi. Begitu juga dengan mereka yang berbangsa Melayu dan mereka yang beragama Islam. Sebaliknya pemilik syarikat dan pekerja di premis yang hanya mendapat pendidikan di peringkat sekolah rendah memberikan persetujuan yang paling rendah, begitu juga dengan mereka yang berbangsa India dan mereka yang beragama Kristian dan Hindu.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Bahagian Pengurusan Halal JAIP (2019) Hotel Pemegang Sijil Halal Malaysia Negeri Pahang, <http://jaip.pahang.gov.my>. 30 April 2019

Hirschmann, R. (2019) Number of hotels in Malaysia from 2009 to 2019. <https://www.statista.com>. 11 September 2020.

JAKIM (2019) Laporan Tahunan 2019.

JAKIM (2020) Senarai Hotel & Resort yang Mendapat Sijil Halal Malaysia. http://www.halal.gov.my/ehalal/directory_hotel.php.

Jamal Abdul Nassir Shaari, Hisham Sabri, Muhammad Nizam Awang, Nur Izzati Nadia Mohd Dzolkifli, Mohammad Aizat Jamaludin, Nor ‘Azzah Kamri, Ungku Fatimah Ungku Zainal Abidin (2019) Faktor yang Mempengaruhi Dalam Pemerkasaan Industri Halal Di kalangan Usahawan: Suatu Analisis, E-Proceeding International Conference on Economic, Entrepreneurship and Management 2019 (ICEEM 2019), Langkawi, 6 Julai 2019.

Lokman Ab Rahman (2020) Kecemerlangan pengurusan sijil halal, Harian Metro: 23 Jun 2020

Marliana binti Abdullah, Syaripah Nazirah Syed Ager, Nor ‘Adha Abdul Hamid, Norazla Abdul Wahab, Wawarah Saidpudin, Surianom Miskam, Farah Mohd Shahwahid, Norziah Othman (2015) 10 Isu dan Cabaran Pensijilan Halal: Satu Kajian Perbandingan Antara Malaysia dan Thailand, Kertas Persidangan World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015) Ar-Rahim Hall, YARSI University, Jakarta, Indonesia, 9th – 10th December 2015.

Mohd Al’Ikhsan Ghazali & Siti Salwa Md. Sawari (2015). Mengglobalisasikan Sistem Piawai Standard Halal Malaysia di Peringkat Dunia, *Sains Humanika*, vol. 53, 2289-6996.

Mohd Amzari Tumiran, Mohd Zaid Daud, & Nur Farhani Zarmani (2020) Maqasid Syariah dan Pemakanan Halal: Konsep Pencegahan Pertumbuhan Bakteria sebagai Mudarat Biologi (Dlm.) Riswadi Azmi, Nor Hazmin Sabri, Rodiah Mustafa & Ahmad Mustaffa Mohamad (Peny.), *Ulul Albab:Menyingkap Keajaiban Islam*, Penerbit UMT.

Nur Zulfah Md Abdul Salam (2019) Agensi Terlibat Dalam Membantu Proses Pensijilan Halal Bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), prosiding *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, KUIS, 24 September 2019*.

Noor Fiteri Abdullah & Masnisah Mukhtar, (2015), “Cabaran Pelaksanaan Pensijilan Halal di Perlis: Pengalaman Penyelidikan dan Hab Halal”, dalam *Proceeding of the 2nd International Convention on Islamic Management 2015*, Kuala Lumpur, 4-5 November.

The Malaysian Insight (2019) *Lebih 60% pemegang sijil halal adalah syarikat bukan Islam*, 6 September 2019.

Tuan Nurhafiza Raja Abdul Aziz dan Taufiq A. Rashid (2019) *Maqasid Syariah Sebagai Parameter dalam Perlindungan Pengguna Industri Halal di Malaysia*, Prosiding Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference Ke-5 (MFIFC 2019), KUIS, 24 September.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) (2012) *Inisiatif dan Impak Pelaksanaan Fokus Group Pengurusan Pensijilan Halal*.

Warta Kerajaan Persekutuan (2011) *Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal)*, Jabatan Peguam Negara Malaysia.